

## Ulasan / *Reviews*


### Kumpulan Bangsawan Sri USM Mengekalkan Tradisi Bangsawan di dalam *Jula Juli Bintang Tujuh*

*Alor Setar, Kuala Terengganu, Kuantan,  
Kuala Lumpur, Pulau Pinang.  
April-May 2005*

Kumpulan Bangsawan Sri USM telah ditubuhkan pada tahun 1980. Ahlinya terdiri daripada kakitangan dan pelajar-pelajar Universiti Sains Malaysia serta aktivis-aktivis teater yang bergiat di sekitar Pulau Pinang. Kumpulan ini diwujudkan oleh Bahagian Seni Lakon, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (kini Bahagian Drama dan Teater, Pusat Pengajian Seni) untuk memupuk kembali seni tradisi yang hampir luput ditelan zaman. Keprihatinan ini dimulakan oleh Dr. Ghulam-Sarwar Yousof yang telah mengambil inisiatif membawa Encik Alias bin Abdul Manan (Pak Alias) dan Puan Aminah binti Nani (Mak Minah). Dua tokoh ini telah dilantik sebagai pembimbing kumpulan ini sehingga tahun 1995. Di bawah pimpinan dua tokoh tersebut, kumpulan Sri USM Bangsawan telah membuat dua kali persembahan setahun, antaranya *Mahshuri*, *Puteri Bakawali* dan *Tengku Sulung Mati Digantung*. Dalam jangka masa enam tahun ditinggalkan kekosongan, pada tahun 2001 kumpulan Bangsawan Sri USM kembali semula hidup di bawah pimpinan Prof. Madya Dr. Abdul Samat bin Salleh dengan mempersembahkan *Bangsawan Bakawali* (di bawah program bantuan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia) dan pada tahun 2004 mempersembahkan *Bangsawan Jula-Juli Bintang Tujuh*. Pada kali ini, ahli-ahli kumpulan diambil daripada pelajar-pelajar, kakitangan dan alumni Pusat Pengajian Seni di samping aktivis-aktivis teater tempatan yang berminat.



Anak mambang memikat puteri Jula Juli.



Kundur dan Kembang bersama Jula Juli.

*Jula-Juli Bintang Tujuh* mengandungi tujuh babak diarahkan oleh Prof. Madya Abdul Samat Salleh, skrip diolah oleh Halimi M.N. dan lirik serta lagu dicipta oleh Abdul Malik Ismail. Pementasan bangsawan ini telah dipersembahkan kepada khalayak umum bermula di Auditorium Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia sehinggalah menjelajah ke Alor Setar, Kuala Terengganu, Kuantan dan Kuala Lumpur. Persembahan-persembahan ini telah mengembalikan nostalgia warga emas yang telah lama tidak dihidangkan serta memberikan salam pengenalan *genre* Bangsawan kepada golongan remaja.

*Jula-Juli Bintang Tujuh* bermula daripada perebutan untuk memiliki Puteri Jula Juli di antara tujuh Putera Mambang dan Jin Afrait di kayangan. Raja Kayangan telah membuat keputusan menghantar puteri-puteri ke bumi untuk mengelakkan keadaan huru hara di kayangan. Baginda telah berpesan kepada tujuh Putera Mambang dan Jin Afrait dengan membuat tawaran sesiapa yang dahulu bertemu dengan puteri-puteri yang dilemparkan ke bumi, merekalah yang berhak untuk memiliki puteri-puteri tersebut. Namun, disyaratkan sekiranya bertemu dalam keadaan serentak mereka dilarang melakukan pergaduhan. Puteri-puteri telah disumpah oleh baginda menjadi buah delima dan dicampakkan ke bumi. Buah tersebut telah dijumpai dan dimakan oleh

Kumpulan bangsawan Sri USM mengekalkan tradisi bangsawan di dalam Jula Juli Bintang Tujuh



Meletup didatangi oleh beruang.



Pertarungan Jin Afrit dan anak mambang.

seorang wanita yang mandul dan kemudiannya wanita tersebut mengandung lalu dikurniakan dengan tujuh orang bayi perempuan. Suami wanita tersebut terasa amat terharu dan bersyukur kerana sebelum ini telah lama mereka berkahwin tetapi tidak dikurniakan zuriat.

Di bumi pula Puteri Jula-Juli telah menjadi rebutan tiga penjuru, melibatkan Putera Mahkota Negara Mahkota Alam. Putera tersebut sebelum ini telah bermimpi bertemu dengan Puteri Jula Juli dan telah mengembara mencari serta berhasrat untuk menjadikan mereka sebagai isteri. Menyedari tentang perebutan tersebut Raja Kayangan telah turun ke bumi untuk menyelesaikan pertelingkahan dan perebutan. Sekali lagi Raja Kayangan mempertaruhkan puteri-puteri baginda dengan meletakkan mereka di penjara Bintang Telasma. Tawaran dibuka, sesiapa berjaya memecahkan pintu penjara, merekalah yang berhak memiliki puteri-puteri baginda. Akhirnya Putera Mahkota Alam telah berjaya memecahkan pintu penjara dan pementasan ini telah tamat dengan perkahwinan.

Perjalanan cerita dan perwatakan yang mudah telah menggerakkan Abdul Samat Salleh untuk mempraktikkan kaedah latihan mengikut tradisi bangsawan asal. Pelakon diberikan senario

pada setiap babak dan mereka cuba menyampaikan dialog-dialog secara improvisasi dalam lenggok kata bual bangsawan. Abdul Samat Salleh agak mudah melaksanakan tugas kerana pelakon-pelakon yang diambil telah didedahkan dengan kaedah ini menerusi kursus-kursus teater tradisi yang telah ditawarkan oleh Pusat Pengajian Seni. Tradisi bangsawan asal dilaksanakan juga melalui 'Extra Turn' iaitu acara selingan yang dipersembahkan sewaktu pertukaran babak dengan menggunakan pelakon-pelakon utama sebagai penyanyi dan pelawak.

Antara lain, tradisi bangsawan yang dikekalkan ialah 'tasmat' atau kesan khas. Kesan-kesan di dalam produksi ini telah direka oleh Encik Shaparel Salleh di dalam adegan-adegan seperti kemunculan jin, puteri-puteri bertukar menjadi buah delima, ramalan ahli nujum, pokok delima tumbuh, perut tiba-tiba membesar, kemunculan beruang dan renungan pendita. Kesan khas ini telah berjaya memukau penonton terutama di Kuantan dan Kuala Terengganu. Pada zaman kegemilangan bangsawan, tasmat ini dijadikan sebagai satu cara untuk menarik penonton datang di samping kecantikan dan ketampanan pelakon-pelakon.

Sementara di dalam muzik dan lagu, melalui sentuhan pencipta muzik Abdul Malik bin Ismail, beliau telah mencipta dan membuat susunan muzik khusus dengan konsep persembahan ini. Ini berbeza dengan kumpulan bangsawan sebelum ini, iaitu menggunakan irama dan melodi lagu-lagu yang telah dicipta oleh orang lain dan hanya memberikan perubahan hanya kepada lirik. Ini adalah salah satu inisiatif untuk memperkayakan lagu-lagu baru.

Persembahan Jula-Juli yang berlangsung selama 1 jam 15 minit, dilaksanakan oleh tenaga produksi seramai 65 orang dengan membariskan seramai 27 orang kumpulan pelakon, 10 orang kumpulan kreatif, empat orang pengurusan dan 24 orang kumpulan teknikal serta krew pentas Kumpulan Bangsawan Sri USM akan menyambung persembahan di Shah Alam dan Melaka pada akhir tahun 2005.

**Halimi Mohamed Noh**

*Universiti Sains Malaysia*